



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**KAEDAH PENGAJARAN PENULISAN KARANGAN  
YANG DIGUNAKAN OLEH GURU BAHASA MELAYU DI PERINGKAT  
MENENGAH ATAS SEKOLAH-SEKOLAH DI SAMARAHAN,  
SARAWAK**

**ASAN BIN SINGKRO**

**FBMK 1996 1**

**KAEDAH PENGAJARAN PENULISAN KARANGAN  
YANG DIGUNAKAN OLEH GURU BAHASA MELAYU DI PERINGKAT  
MENENGAH ATAS SEKOLAH-SEKOLAH DI SAMARAHAN, SARAWAK**

**Oleh**

**ASAN BIN SINGKRO**

**Kertas Projek Penyelidikan Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi  
Sebahagian Syarat Untuk Mendapatkan Ijazah Master Sains  
Di Fakulti Pengajian Pendidikan  
Universiti Pertanian Malaysia.**

**April, 1996**



## PENGHARGAAN

Penulis pertama-tama mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana telah melimpahkan rahmat dan nikmat-Nya kepada penulis sehingga penulis sentiasa sihat walafiat, dan dapat menyiapkan kertas projek ini serta menyelesaikan pengajian di Universiti Pertanian Malaysia.

Seterusnya, penulis mengucapkan jutaan terima kasih kepada ketiga-tiga orang penyelia kertas projek penulis: Profesor Dr. Haji Amat Juhari Moain (Pengerusi), Prof. Madya Dr. Kamariah Hj. Abu Bakar dan Encik Kamarudin Hj. Husin. Mereka banyak memberikan tunjuk ajar dan panduan kepada penulis sehingga penulis berjaya menyiapkan kertas projek ini serta menyelesaikan pengajian untuk memperoleh Ijazah Master Sains (PBMP).

Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada semua pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan dan Fakulti Pengajian Bahasa Moden yang telah mengajarkan ilmu bidang masing-masing kepada penulis.

Penulis juga mengucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada semua Pengetua, Penolong Kanan, dan guru Bahasa Melayu sekolah-sekolah menengah di Bahagian Samarahan, Sarawak yang telah memberikan kerjasama yang sangat baik kepada penulis sehingga penulis tidak menghadapi apa-apa masalah dalam memperoleh data yang diperlukan untuk kajian penulis.

Berbanyak-banyak terima kasih juga diajukan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia kerana telah menghadiahkan basiswa Kementerian Pendidikan kepada penulis untuk mengikuti pengajian di Universiti Pertanian Malaysia. Terima kasih juga kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia, dan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak kerana telah memberikan kebenaran kepada penulis untuk menjalankan penyelidikan di sekolah-sekolah yang berkenaan.

Penulis juga mengucapkan terima kasih kepada cikgu Abdul Ghalib bin Yunus, cikgu Samsudin bin Salleh dan cikgu Abdul Rahsid bin Daeng Melebek serta guru-guru Bahasa Melayu di SM Katholik dan SM Sri Serdang yang telah memberikan kerjasama kepada penulis dalam mengemaskan dan membaiki instrumen kajian, khususnya soal selidik kajian penulis.

Akhir sekali, penulis mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada ibu penulis yang dikasihi: Sohara bt Mohammad, isteri penulis yang tersayang: Nona bt Sait, serta anak-anak yang dikasihi: Hazlina, Muhd. Hafidzan, Muhd. Luqman dan Nur Farah Ain, yang berkorban dan bersabar menunggu pengajian penulis selesai. Terima kasih juga ditujukan kepada adik Bibi bt Singkro, Kak Temah dan Kak Hamidah yang juga telah memberi galakan dan sumbangan kewangan kepada penulis. Kenangan kasih kepada ayah penulis, Singkro bin Bagu.

Kampung Sadong Jaya,  
Simunjan,  
Samarahan,  
Sarawak.  
30 April 1996

## KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN .....	ii
SENARAI JADUAL .....	vii
SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL .....	ix
ABSTRAK .....	xi
ABSTRACT .....	xiii
<b>BAB</b>	
<b>I PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
Latar Belakang Kajian .....	1
Penyataan Masalah .....	4
Objektif Kajian .....	5
Soalan-Soalan Kajian .....	7
Kepentingan Kajian .....	8
Batasan Kajian .....	10
Definisi Operesional .....	11
<b>II SOROTAN KAJIAN BERKAITAN .....</b>	<b>14</b>
Pengenalan .....	14
Pendapat Tentang Penulisan dan Pengajaran Karangan .....	15
Kajian Tentang Pelaksanaan Pengajaran Karangan .....	18
Kajian Perbandingan Kaedah dan Teknik Pengajaran Penulisan Karangan .....	21
Kesimpulan .....	26

<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN .....</b>	<b>28</b>
	Reka Bentuk Kajian .....	28
	Populasi dan Sampel .....	28
	Instrumentasi .....	30
	Persediaan Mengajar .....	30
	Pemerhatian Pengajaran Penulisan Karangan .....	31
	Temu Bual .....	32
	Soal Selidik .....	32
	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen .....	33
	Kesahan .....	33
	Kebolehpercayaan .....	34
	Prosedur Pengumpulan Data .....	34
	Penganalisisan Data .....	36
<b>IV</b>	<b>ANALISIS DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN .....</b>	<b>38</b>
	Profil Responden .....	38
	Dapatan Kajian dan Perbincangan .....	41
	Soalan Kajian No.1: Kaedah Pengajaran Penulisan Karangan Yang Lazim Digunakan Oleh Guru .....	41
	Soalan Kajian No.2: Langkah-Langkah Utama Pelaksanaan Prosedur Kaedah Yang Lazim Digunakan Oleh Guru .....	44
	Soalan Kajian No.3: Kekuatan dan Kelemahan Kaedah Yang Lazim Digunakan Oleh Guru .....	55
	Soalan Kajian No. 4: Kaedah Pengajaran Penulisan Karangan Yang Pernah Digunakan Oleh Guru .....	59
	Bilangan Kaedah Yang Pernah Digunakan Oleh Guru .....	61

Soalan Kajian No.5: Perkaitan Bilangan Kaedah Yang Pernah Digunakan Oleh Guru Dengan Profesional Keguruan, Pengalaman, Kursus Diikuti dan Pembacaan Guru .....	63
Soalan Kajian 5a: Perkaitan Bilangan Kaedah Dengan Kelulusan Profesional Keguruan Tertinggi .....	63
Soalan Kajian No.5b: Perkaitan Bilangan Kaedah Dengan Pengalaman Guru Mengajar BM .....	65
Soalan Kajian No.5c: Perkaitan Bilangan Kaedah dengan Kursus Yang Pernah Diikuti .....	67
Soalan Kajian No. 5d: Perkaitan Bilangan Kaedah dengan Bilangan Buku Yang Pernah Dibaca .....	71
Kesimpulan .....	76
<b>V KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>78</b>
Kesimpulan .....	78
Cadangan .....	79
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>	<b>86</b>
<b>LAMPIRAN</b>	
A Format Persediaan Mengajar Pengajaran Penulisan Karangan .....	89
B Borang Pemerhatian Pengajaran Penulisan Karangan .....	91
C Soalan-Soalan Temu Bual .....	93
D Soal Selidik Kajian .....	95
E Ahli-Ahli Panel Peneliti Instrumen Kajian .....	105
F Surat-Menyurat .....	117
G Jadual Pengumpulan Data Kajian .....	110
<b>VITA .....</b>	<b>113</b>

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
1      Kelulusan Akademik Tertinggi Responden .....	39
2      Kelulusan Profesional Keguruan Tertinggi Responden .....	39
3      Bidang Pengkhususan responden .....	40
4      Pengalaman Responden Mengajar Bahasa Melayu Di Peringkat Menengah Atas .....	41
5      Kaedah Yang Lazim Digunakan Oleh Guru .....	42
6      Kekuatan dan Kelemahan Kaedah Deduktif .....	56
7      Kekuatan dan Kelemahan Kaedah Induktif .....	58
8      Kaedah Pengajaran Penulisan Karangan Yang Pernah Digunakan Oleh Guru .....	60
9      Bilangan Kaedah Yang Pernah Digunakan Oleh Guru .....	61
10     Bilangan Guru Yang Pernah Tidak Menggunakan Kaedah .....	62
11     Bilangan Kaedah Yang Pernah Digunakan Oleh Guru Dari Pelbagai Kelulusan Profesional Keguruan .....	64
12     Perkaitan Bilangan Kaedah Dengan Pengalaman Guru Mengajar BM .....	66
13     Bilangan Kursus Yang Pernah Diikuti .....	67
14     Keperluan Kursus Kaedah Pengajaran Penulisan Karangan Di Peringkat Menengah Atas .....	68
15     Pendapat Guru tentang Kursus Kebahasaan .....	69
16     Bilangan Kaedah Yang Pernah Digunakan dan Bilangan Kursus Yang Pernah Dijikti Guru .....	70
17     Pembacaan Buku Yang Membincangkan Kaedah Pengajaran Penulisan Karangan .....	71

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
18	Bilangan Buku Yang Membincangkan Perkaedahan Mengajar Penulisan Karangan Yang Pernah Digunakan Oleh Guru .....	73
19	Bilangan Kaedah Pengajar Penulisan Karangan Yang Pernah Digunakan dan Bilangan Buku Yang Pernah Dibaca Oleh Guru .....	74
20	Perkaitan Antara Bilangan Kaedah Yang Pernah Digunakan Dengan Profesional Keguruan Tertinggi, Pengalaman, Kursus dan Pembaca Buku .....	75

## **SENARAI SINGKATAN DAN SIMBOL**

<b>BM</b>	=	<b>Bahasa Melayu</b>
<b>HSC</b>	=	<b>Hingher School certificate</b>
<b>JPN</b>	=	<b>Jabatan Pendidikan Negeri</b>
<b>KBSM</b>	=	<b>Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah</b>
<b>KDC</b>	=	<b>Kursus Dalam Cuti</b>
<b>KM</b>	=	<b>Kesusasteraan Melayu</b>
<b>MCE</b>	=	<b>Malaysian Certificate of Education</b>
<b>No.</b>	=	<b>Nombor</b>
<b>OSC</b>	=	<b>Overseas School Certificate</b>
<b>PAKK</b>	=	<b>Pendidikan Awal Kanak-Kanak</b>
<b>Pend.</b>	=	<b>Pendidikan</b>
<b>PJK</b>	=	<b>Pendidikan Jasmani dan Kesihatan</b>
<b>SM</b>	=	<b>Sekolah Menengah</b>
<b>SMK</b>	=	<b>Sekolah Menengah Kerajaan</b>
<b>SPM</b>	=	<b>Sijil Persekolahan Malaysia</b>
<b>SPSS</b>	=	<b>The Statistical Pakage for the Social Science</b>
<b>STP</b>	=	<b>Sijil Tinggi Persekolahan</b>
<b>STPM</b>	=	<b>Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia</b>
<b>Ting.</b>	=	<b>Tingkatan</b>
<b>N</b>	=	<b>Jumlah besar seluruh responden</b>
<b>n</b>	=	<b>Jumlah kecil kumpulan responden.</b>
<b>r</b>	=	<b>korelasi</b>

<b>p</b>	=	<b>alpha</b>
<	=	<b>Kurang daripada</b>
>	=	<b>Lebih besar daripada</b>
$\approx$	=	<b>hampir kepada nilai</b>
$\downarrow$	=	<b>ke</b>

**Abstrak kertas projek penyelidikan yang dikemukakan kepada Universiti Pertanian Malaysia sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat keperluan ijazah Master Sains**

**KAEDAH PENGAJARAN PENULISAN KARANGAN YANG  
DIGUNAKAN OLEH GURU BAHASA MELAYU DI PERINGKAT  
MENENGAH ATAS SEKOLAH-SEKOLEH MENENGAH  
DI SAMARAHAN, SARAWAK**

Oleh

Asan bin Singkro

April 1996

Pengerusi: Profesor Hj. Amat Juhari Moain, Ph.D.

Fakulti: Pengajian Bahasa Moden

Penyelidikan ini bertujuan untuk mengenal pasti kaedah pengajaran penulisan karangan yang digunakan oleh guru yang mengajar Bahasa Melayu (BM) di peringkat menengah atas. Tinjauan ke atas kaedah-kaedah yang digunakan oleh 40 orang guru yang mengajar BM di kelas-kelas tingkatan empat dan tingkatan lima telah dijalankan di 10 buah sekolah menengah di Bahagian Samarahan, Sarawak.

Data kajian telah diperoleh menggunakan 4 instrumen kajian, iaitu persedian mengajar, pemerhatian pengajaran, temu bual dan soal selidik. Dapatan kajian menunjukkan bahawa guru yang mengajar BM di peringkat menengah atas di sekolah-sekolah menengah di Bahagian Samarahan, Sarawak lazimnya menggunakan Kaedah Deduktif dan Kaedah Induktif. Selain daripada itu, mereka juga pernah menggunakan tiga kaedah yang lain, iaitu Kaedah Proses, Kaedah Model

Prosa dan Kaedah Pengalaman. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa prosedur pengajaran kaedah yang lazim digunakan oleh guru dilaksanakan menggunakan 4 hingga 6 langkah utama. Tambahan daripada itu, guru BM berpendapat bahawa Kaedah Deduktif dan Kaedah Induktif yang lazim digunakan oleh mereka itu mempunyai kekuatan dan kelemahan yang tersendiri daripada perspektif pelajar, guru dan pelaksanaannya. Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa wujud perkaitan antara bilangan kaedah pengajaran penulisan karangan yang pernah digunakan oleh guru yang mengajar BM dengan pengalaman guru mengajar BM di peringkat menengah atas, dan kursus dalam perkhidmatan serta kursus dalaman tentang perkaedahan mengajar penulisan karangan yang pernah diikuti oleh mereka, tetapi tidak wujud perkaitan dengan profesional keguruan tertinggi guru dan buku tentang perkaedahan mengajar penulisan karangan yang pernah dibaca oleh guru.

**Abstrack of the project paper research submitted to Universiti Pertanian Malaysia  
in partial fulfilment of the requirements for the degree of Master of Science**

**THE METHODS OF TEACHING COMPOSITIONS  
USED BY BAHASA MELAYU TEACHERS AT THE UPPER SECONDARY  
LEVEL OF THE SECONDARY SCHOOLS IN SAMARAHAN, SARAWAK**

By

**Asan bin Singkro**

**April 1996**

**Chairman:** Professor Hj. Amat Juhari Moain, Ph.D.

**Faculty:** Modern Language Studies

The purpose of the research was to identify the methods of teaching compositions used by teachers teaching Bahasa Melayu (BM) at the upper secondary level. A survey of the methods of teaching compositions used by 40 teachers teaching BM in form four and form five was carried out in 10 secondary schools in Samarahan, Sarawak.

The reserach data was obtained by using four research instruments,i.e. lesson plans, lesson observations, interviews and questionnaires. The findings of the research showed that teachers of BM in secondary schools in Samarahan, Sarawak usually used The Deductive and The Inductive methods in the teaching of compositions. Apart from these, they also used three other teaching methods,i.e the Process Method, the Model Prose Method, and the Experiencial Method. The research also

showed that the procedures of the methods which the teachers usually used consist of four to six main steps. On top of that, the BM teachers was of the opinion that the methods of teaching compositions they usually used had some advantages and disadvantages of their own from the point of view of the students, teachers and its implementation. The research findings also showed that there was a correlation between the number of methods of teaching compositions used by the teachers and the teachers' experience in teaching BM at the upper secondary level, and with the in-service and in-house trainings that the teachers had attended. However, it was also observed that there was no correlation with the teachers' highest professional qualification in teaching, and the number of books related to compositions teaching methodology which the teachers had read.

# **BAB I**

## **PENDAHULUAN**

### **Latar Belakang Kajian**

Tujuan pengajaran penulisan karangan di sekolah-sekolah ialah untuk melatih pelajar dalam kemahiran-kemahiran yang tertentu bagi membolehkan mereka menghasilkan karangan yang berkesan (Kunchi Raman, 1991:3). Walaupun demikian, perlu diingat bahawa penulisan bukanlah satu proses yang mudah. Abdul Aziz Abdul Talib (1989:321) menyatakan bahawa kemahiran menulis karangan merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai kerana mengarang memerlukan berbagai-bagai pengetahuan dan kemahiran seperti kemahiran bahasa, gaya, mencari dan menyusun isi, keaslian, diksi dan ekspresi. Menurut Arapoff (1970:4) pula penulisan ialah suatu pemilihan dan penyusunan pengalaman yang disengajakan. Oleh yang demikian, tujuan penulisan, ketepatan serta penyusunan fakta yang disampaikan secara teratur menentukan keberkesanan sesebuah hasil penulisan. Justeru itu, guru bahasa perlulah memastikan pelajar, khususnya di peringkat menengah atas, dapat menguasai kemahiran-kemahiran dalam penulisan karangan.

Walaupun demikian, beberapa kajian menunjukkan bahawa pelajar masih menghadapi masalah dalam penulisan karangan. Kajian H. Kamsiah Abdullah (1989) mendapati masalah utama pelajar dalam penulisan karangan ialah kelemahan untuk mendapatkan isi atau idea yang cukup. Pelajar juga dikatakan menghadapi masalah untuk menguasai kemahiran menulis dengan gaya yang segar dan asli. Begitu juga

dengan kebolehan pelajar menulis pengenalan yang jelas. Kajian Muhammed Salehudin (1993) pula mendapati pelajar-pelajar di dua buah sekolah menengah agama di Melaka, masih melakukan banyak kesalahan bahasa, khususnya dalam aspek tatabahasa.

Kelemahan pelajar dalam aspek yang penting dalam karangan yang tersebut di atas tentulah disebabkan oleh pelbagai faktor. Salah satu daripada faktor tersebut ialah kaedah pengajaran. Kesan penggunaan kaedah pengajaran yang kurang sesuai atau kurang berkesan untuk membolehkan pelajar menguasai kemahiran-kemahiran dalam penulisan karangan telah dinyatakan oleh Faraded bte Mohd. Dom (1992). Menurut Faraded (1992:32) perkaedahan mengajar penulisan yang diamalkan oleh kebanyakan guru yang mementingkan isi atau idea dalam penulisan kurang memberi penekanan kepada penguasaan sub-sub kemahiran dalam penulisan karangan. Ini menyebabkan pelajar tidak mampu menghasilkan karangan yang menarik dan berkesan.

Daripada apa yang diperkatakan di atas, adalah penting guru Bahasa Melayu diberikan pendedahan kepada ilmu pengetahuan tentang perkaedahan mengajar penulisan karangan sebanyak mungkin. Pendedahan dan ilmu pengetahuan yang tersebut akan memberikan kesedaran kepada guru tentang perlunya penggunaan kaedah pengajaran yang sesuai dalam pengajaran penulisan karangan, dan seterusnya akan membantu pelajar menulis karangan dengan lebih baik dan berkesan.

Pada masa ini, kurang diketahui apa kaedah pengajaran penulisan karangan yang digunakan atau diamalkan oleh guru Bahasa Melayu di sekolah-

sekolah, khususnya di kelas-kelas peringkat menengah atas. Sudah tentulah guru Bahasa Melayu menggunakan kaedah pengajaran yang tertentu, tetapi kemungkinannya ialah mereka menggunakan kaedah konvensional yang berasaskan pendekatan tradisional. Tinjauan Saeri bin Baseri (1986) di dua buah sekolah menengah menggambarkan bahawa guru di sekolah-sekolah tersebut menggunakan kaedah konvensional atau kaedah tradisional dalam pengajaran. Pengajaran menekankan perbincangan isi-isi penting bagi tajuk karangan dan diikuti oleh aktiviti menulis karangan yang lengkap. Menurut Koh Boh Boon (dalam Kunchi Raman, 1991:4), kaedah konvensional yang lazim diamalkan oleh guru dalam pengajaran penulisan karangan memperlihatkan langkah pelaksanaan prosedur penyampaian seperti yang berikut: (1) Guru mengemukakan satu tajuk karangan; (2) Guru membincangkan isi penting karangan, dan (3) Murid menulis karangan berdasarkan tajuk karangan yang telah ditetapkan.

Carnicelli (1980:102) pula berpendapat bahawa pengajaran penulisan karangan secara tradisional selalunya hanya menekankan peringkat penulisan, iaitu pelajar diberikan tajuk dan diminta menulis draf pertama. Seterusnya guru menggredkan draf yang telah ditulis oleh pelajar itu. Selepas itu, pelajar diberi satu tajuk karangan yang lain untuk ditulis. Menurut Carnicelli lagi, pengajaran penulisan karangan secara tradisional memperuntukkan hanya sedikit masa atau langsung tidak memperuntukkan masa sama ada kepada prapenulisan atau penulisan semula draf karangan. Oleh itu, pengajaran penulisan karangan yang menggunakan kaedah tradisional hanya memerlukan guru mengemukakan tajuk karangan kepada pelajar. Selepas itu, guru mengadakan perbincangan isi dan format untuk

tajuk karangan yang berkenaan. Ini diikuti dengan aktiviti menulis karangan yang lengkap. Dengan kata lain, Pengajaran penulisan karangan secara tradisional lebih mementingkan hasil penulisan pelajar berbanding proses penulisan yang dapat meningkatkan kemahiran pelajar dalam penulisan karangan. Menurut Teo Kok Seong (1989:467) pengajaran penulisan karangan yang terlalu mementingkan hasil selepas setiap waktu pengajaran menyebabkan pelajar lemah dalam kemahiran penulisan karangan. Maknanya, pengajaran penulisan karangan secara tradisional tidak banyak membantu pelajar menguasai kemahiran menulis.

Jika cara pengajaran penulisan karangan di atas masih diamalkan oleh guru Bahasa Melayu, tidak menghairankan mengapa pelajar masih menghadapi masalah dalam penulisan karangan seperti yang dilaporkan dalam beberapa kajian yang berkaitan. Untuk mengenal pasti kaedah pengajaran penulisan karangan yang digunakan atau diamalkan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas, perlulah ditinjau secara empiris pelaksanaan pengajaran penulisan karangan di sekolah-sekolah. Sehubungan itu, kajian ini merupakan satu permulaan ke arah tinjauan tersebut.

### **Penyataan Masalah**

Dapatkan beberapa kajian tentang kaedah pengajaran karangan jelas menggambarkan bahawa seseorang guru bahasa tidak boleh mengabaikan kaedah pengajaran. Justeru itu, pengabaian kaedah dalam pengajaran penulisan karangan dapat menimbulkan masalah yang berkaitan dengan kemampuan pelajar untuk menguasai kemahiran-kemahiran pokok dalam penulisan karangan. Walaupun

demikian, berdasarkan kenyataan beberapa orang pendidik bahasa Melayu, guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah, khasnya di peringkat menengah atas, tidak mengambil berat tentang kaedah yang digunakan dalam pengajaran karangan. Awang Mohammad Amin (1981:8) menyatakan bahawa tiada satu kaedah yang istimewa diamalkan oleh guru dalam penulisan karangan di peringkat sekolah menengah. Kamarudin Hj. Husin (1986: 217) pula menyatakan bahawa guru-guru mengajar karangan secara sendiri-sendiri dan kadang-kadang tidak menggunakan sebarang kaedah.

Berdasarkan kenyataan pendidik-pendidik bahasa itu dan kelemahan-kelemahan pelajar dalam penulisan karangan, pengkaji memikirkan perlu ditinjau kaedah pengajaran penulisan karangan yang digunakan atau diamalkan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas. Sehubungan itu, kajian ini mengenal pasti: (i) Apakah kaedah pengajaran penulisan karangan yang digunakan oleh guru yang mengajar Bahasa Melayu di peringkat menengah atas? (ii) Adakah penggunaan kaedah pengajaran penulisan karangan oleh guru yang mengajar Bahasa Melayu di peringkat menengah atas itu mempunyai perkaitan dengan profesional (ikhtisas) keguruan, pengalaman, kursus yang pernah diikuti, dan pembacaan guru.

### Objektif Kajian

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti kaedah pengajaran penulisan karangan yang digunakan atau diamalkan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas.

Sehubungan itu, secara khusus objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkara-perkara yang berikut:

1. Kaedah pengajaran penulisan karangan yang lazim digunakan atau diamalkan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas.
2. Langkah-langkah utama pelaksanaan prosedur kaedah pengajaran penulisan karangan yang lazim digunakan atau diamalkan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas.
3. Kekuatan dan kelemahan kaedah pengajaran penulisan karangan yang lazim digunakan atau diamalkan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas berdasarkan pendapat guru.
4. Kaedah pengajaran penulisan karangan yang pernah digunakan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas.
5. Perkaitan bilangan kaedah pengajaran penulisan karangan yang pernah digunakan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas dengan pembolehubah-pembolehubah:
  - (a) kelulusan profesional (ikhtisas) keguruan tertinggi guru,
  - (b) pengalaman guru mengajar Bahasa Melayu di peringkat menengah atas,
  - (c) bilangan kursus dalam perkhidmatan dan kursus dalaman yang ada membincangkan perkaedahan mengajar penulisan karangan yang pernah diikuti oleh guru,
  - (d) bilangan buku yang ada membincangkan perkaedahan mengajar penulisan karangan yang pernah dibaca oleh guru.

### **Soalan-Soalan Kajian**

Kajian ini menjawab soalan-soalan seperti berikut:

1. Apakah kaedah penulisan karangan yang lazim digunakan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas?
2. Apakah langkah-langkah utama pelaksanaan prosedur kaedah pengajaran penulisan karangan yang lazim digunakan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas?
3. Apakah kekuatan dan kelemahan kaedah pengajaran penulisan karangan yang lazim digunakan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas berdasarkan pendapat guru?
4. Apakah kaedah pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu yang pernah digunakan oleh guru di peringkat menengah atas?
5. Adakah wujud perkaitan bilangan kaedah pengajaran penulisan karangan yang pernah digunakan oleh guru Bahasa Melayu di peringkat menengah atas dengan pembolehubah-pembolehubah:
  - (a) kelulusan profesional (ikhtisas) keguruan tertinggi guru?
  - (b) pengalaman guru mengajar Bahasa Melayu di peringkat menengah atas?
  - (c) bilangan kursus dalam perkhidmatan dan kursus dalaman yang ada membincangkan perkaedahan mengajar penulisan karangan yang pernah diikuti oleh guru?
  - (d) bilangan buku yang ada membincangkan perkaedahan mengajar penulisan karangan yang pernah dibaca oleh guru?

## Kepentingan Kajian

Kajian untuk mengenal pasti kaedah yang digunakan atau diamalkan oleh guru yang mengajar Bahasa Melayu di peringkat menengah atas di sekolah adalah penting berdasarkan sebab-sebab berikut:

Pertama, pengkaji dapat mengenal pasti aspek-aspek penting yang berkaitan dengan kaedah pengajaran penulisan karangan. Selain itu, dapatan kajian ini juga membantu pengkaji untuk memahami kaedah pengajaran penulisan karangan secara lebih mendalam. Seterusnya, kajian ini juga akan membantu pengkaji untuk membaiki kelemahan sendiri yang mungkin telah dilakukan selama ini, khususnya yang berkaitan dengan kaedah pengajaran penulisan karangan.

Kedua, dapatan kajian ini diharapkan dapat memberi gambaran yang lebih jelas kepada pihak sekolah, pihak Jabatan Pendidikan di peringkat daerah, bahagian dan negeri, khususnya di Sarawak, tentang sejauh mana perlunya kursus-kursus perkaedahan yang berkaitan dengan aspek penulisan karangan dijalankan untuk guru-guru Bahasa Melayu.

Ketiga, dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi maklumat kepada pensyarah di maktab-maktab perguruan dan institusi-institusi pendidikan keguruan yang lain di negara ini tentang pengetahuan perkaedahan mengajar penulisan karangan guru Bahasa Melayu di sekolah, khususnya di peringkat menengah atas. Maklumat ini akan membantu mereka untuk memikirkan semula

penekanan pengajaran yang perlu diberi perhatian dalam mata pelajaran perkaedahan pengajaran Bahasa Melayu di institusi-institusi tersebut.

Keempat, dapatan kajian ini juga diharapkan dapat memberi kesedaran kepada guru yang mengajar Bahasa Melayu di sekolah menengah tentang perlunya mereka sentiasa mengemaskinikan diri mereka dengan ilmu perkaedahan mengajar bahasa, terutamanya yang berkaitan dengan pengajaran penulisan karangan, dengan mengikuti kursus-kursus kebahasaan anjuran pihak sekolah atau pihak Jabatan Pendidikan, dan banyak membaca bahan-bahan bacaan yang berkaitan, terutamanya buku-buku dan laporan-laporan penyelidikan tentang perkaedahan pengajaran bahasa. Ini adalah selaras dengan saranan Smith (1983) yang menyatakan bahawa walaupun persekitaran dalam bilik darjah memainkan peranan yang utama untuk peningkatan kemahiran menulis (mengarang), sifat proses pembelajaran yang kompleks dan tersendiri menyebabkan pengajaran karangan memerlukan kaedah yang tertentu. Justeru itu, guru mestilah sentiasa berusaha mencari atau mendapatkan laporan-laporan penyelidikan yang mengemukakan kaedah yang paling berkesan untuk pengajaran karangan.

Kesimpulannya, kajian ini penting kerana dapatannya memberi pengetahuan tentang kaedah pengajaran penulisan karangan yang lebih mendalam bukan sahaja kepada pengkaji bahkan juga dapat digunakan oleh pihak sekolah, pihak Jabatan Pendidikan di pelbagai peringkat dan pihak institusi-institusi keguruan untuk memikirkan program atau penekanan yang perlu diberikan perhatian dan tumpuan dalam kursus-kursus yang berkaitan dengan pengajaran Bahasa Melayu yang

dijalankan. Di samping itu, kajian ini juga diharapkan dapat memberi kesedaran dan motivasi kepada guru-guru Bahasa Melayu untuk menambahkan ilmu perkaedahan mengajar Bahasa Melayu melalui kursus dan pembacaan.

### Batasan Kajian

Kajian ini dibataskan di sekolah-sekolah menengah di Bahagian Samarahan, Sarawak. Terdapat 11 buah sekolah menengah yang menawarkan kelas-kelas tingkatan empat dan lima di Bahagian Samarahan. Pengkaji telah menjalankan kajian di sepuluh daripada sebelas buah sekolah tersebut. Guru yang dijadikan sampel kajian ini pula dibataskan kepada 40 orang guru yang mengajar Bahasa Melayu di tingkatan empat dan lima di sepuluh buah sekolah tersebut. Dengan itu, pengitlakan yang dibuat adalah terbatas untuk Bahagian Samarahan sahaja.

Untuk mengenal pasti kaedah dan langkah-langkah utama pelaksanaan prosedur kaedah pengajaran karangan yang digunakan oleh guru, pengkaji membataskannya kepada pemerhatian ke atas pengajaran yang dijalankan oleh guru dalam kelas, penelitian ke atas persediaan mengajar penulisan karangan yang disediakan oleh guru, temu bual dan soal selidik kajian. Dengan itu, pengitlakan tentang kaedah dan langkah-langkah utama pelaksanaan prosedur kaedah pengajaran penulisan karangan guru terbatas kepada data yang diperoleh daripada instrumen-instrumen tersebut.

Dapatan kajian ini juga melaporkan kekuatan dan kelemahan sesuatu kaedah pengajaran penulisan karangan yang lazim digunakan oleh guru. Laporan tersebut